



RINGKASAN EKSEKUTIF
PELAN STRATEGIK
PENDIGITALAN
2024-2028

09-6303030

www.maidam.gov.my

Kandungan

Pelan Strategik Pendigitalan 2024-2028

ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN YANG DIPERTUA	2
KATA ALUAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MERANGKAP CHIEF DIGITAL OFFICER (CDO)	4
RINGKASAN EKSEKUTIF	6
1.0 PENGENALAN	9
2.0 OBJEKTIF	10
3.0 SKOP PROJEK	11
4.0 PENDEKATAN PROJEK	12
5.0 TADBIR URUS PROJEK	14
6.0 PERSEKITARAN ORGANISASI	15
7.0 VISI DAN MISI MAIDAM	16
8.0 TERAS STRATEGIK MAIDAM	17
9.0 MATLAMAT DAN OBJEKTIF MAIDAM	18
10.0 PERKHIDMATAN MAIDAM	19
11.0 EKOSISTEM PERKHIDMATAN MAIDAM	19
12.0 VISI DAN MISI PENDIGITALAN	20
13.0 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	21
14.0 PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN MAIDAM DENGAN KERANGKA PSPSA 2021–2025	22
15.0 PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN MAIDAM DENGAN TERAS STRATEGIK MAIDAM 2023–2027	23
16.0 STRATEGI, PROGRAM DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	24
17.0 PENUTUP	35



Kata Aluan

YANG DIPERTUA MAIDAM

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) 2024-2028 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pelan ini merupakan rangka kerja yang komprehensif dengan menggariskan hala tuju, strategi dan inisiatif jabatan untuk mewujudkan persekitaran teknologi maklumat yang berteraskan teknologi dan pendigitalan untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2024 sehingga tahun 2028.

Pelaksanaan PSP ini adalah penting bagi menyokong visi, misi dan teras kepada Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027 dalam memperkasakan pengurusan Baitulmal yang menepati syarak, amanah dan berprestasi tinggi berteraskan pendigitalan. Pemantapan perkhidmatan

digital ini adalah seiring dengan aspirasi Kerajaan negeri dan Kerajaan pusat dalam inisiatif Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital.

Perkembangan era teknologi yang semakin canggih hari ini menuntut agar warga kerja MAIDAM lebih bersedia dan dinamik bagi menghadapi persekitaran dan cabaran dunia digital untuk terus kekal berdaya saing dan berdaya maju.

Sehubungan itu, adalah diharapkan supaya PSP ini dapat dijadikan garis panduan dalam merancang, membangun dan seterusnya melaksanakan semua program ICT dengan teratur dan bersistematik. Sistem pengurusan yang cekap dan berkesan melalui teknologi ICT berupaya meningkatkan produktiviti dan kualiti lebih efisien terhadap tahap perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan.

Adalah menjadi harapan saya agar semua program yang dirancang ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi mendokong visi dan misi MAIDAM secara keseluruhannya.

**Adalah
menjadi
harapan saya
agar semua program
yang dirancang
ini dapat dilaksana
dengan jayanya bagi
mendokong visi dan
misi MAIDAM secara
keseluruhannya.**



Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Perunding Perancangan Strategik ICT, Jabatan Digital Negara (JDN) dan Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat SUK Terengganu atas bimbingan dan kerjasama yang diberikan bagi menjayakan PSP MAIDAM bagi tempoh 2024-2028.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan sekalung penghargaan kepada pasukan kerja pembangunan PSP MAIDAM 2024-2028 ini serta semua warga MAIDAM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan ini.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' HAJI SHAIKH HARUN
BIN SHAIKH ISMAIL
Yang Dipertua MAIDAM**



Kata Aluan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIDAM MERANGKAP CHIEF DIGITAL OFFICER (CDO)

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas limpahan rahmat-Nya, MAIDAM berjaya menghasilkan dan menerbitkan buku Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) 2024-2028.

Selari dengan visi “Pemacu Transformasi Pendigitalan Institusi Baitulmal yang Progresif dan Inklusif”, aspek pengukuhan transformasi digital, pemantapan infrastruktur dan keselamatan ICT, pemantapan tadbir urus digital serta pemerkasaan pembudayaan dan kompetensi warga Majlis menjadi fokus utama dalam pelan ini.

Selaku yang diamanahkan sebagai Chief Digital Officer (CDO) MAIDAM, saya berharap agar PSP yang disediakan

ini dapat membantu MAIDAM dalam menjadikan ICT sebagai satu medium yang akan membantu semua urusan kerja supaya menjadi lebih pantas, cekap dan berkesan serta mampu meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan MAIDAM.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja MAIDAM untuk bersama-sama menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan ini agar misi “Memperkasa dan Mengoptimumkan Perkhidmatan Digital melalui Adaptasi Teknologi Baharu ke arah Pengurusan Baitulmal yang Cemerlang” dapat dicapai, sekaligus menobatkan MAIDAM sebagai institusi baitulmal yang progresif dan inklusif.

Sekian, terima kasih.





Selari dengan
visi “Pemacu
Transformasi
Pendigitalan
Institusi Baitulmal
yang Progresif
dan Inklusif”,
aspek pengukuhan
transformasi
digital,
pemantapan
infrastruktur dan
keselamatan ICT,
pemantapan tadbir
urus digital serta
pemeriksaan
pembudayaan dan
kompetensi warga
Majlis menjadi
fokus utama dalam
pelan ini.

**YBHG. DATO' PROF. MADYA
DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN**
Ketua Pegawai Eksekutif
merangkap Chief Digital Officer (CDO)
MAIDAM



Ringkasan EKSEKUTIF

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berjaya menerbitkan buku Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) 2024-2028 yang merupakan usaha pihak Kerajaan ke arah revolusi pendigitalan.

PSP MAIDAM bagi tempoh 2024–2028 yang disediakan ini adalah sebagai usaha untuk menyokong salah satu teras strategik Malaysia Madani iaitu mewujudkan pentadbiran beramanah menerusi islah dan pembaharuan bagi mewujudkan sistem yang adil dan bermanusiawi selain dapat meningkatkan tahap sistem penyampaian perkhidmatan MAIDAM.

Pembangunan PSP MAIDAM ini dibangunkan dengan khidmat perundingan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (PSUKT) melalui Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat (BPTM) dan Jabatan Digital Negara (JDN).

PSP MAIDAM 2024-2028 ini akan dijadikan sebagai satu dokumen rujukan dan garis panduan dalam perancangan, Pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ICT di MAIDAM secara lebih terancang bagi tempoh empat tahun yang merangkumi objektif-objektif berikut:

- Menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan pendigitalan di MAIDAM dengan sokongan teknologi, sistem aplikasi, tadbir urus pendigitalan, pembangunan sumber manusia dan komuniti.
- Menyediakan garis panduan pelaksanaan projek pendigitalan yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi MAIDAM bagi tempoh 2024 sehingga 2028.



- 
- > Menetapkan hala tuju pendigitalan MAIDAM dan menyelaraskannya dengan Petunjuk Prestasi Utama/ Key Performance Indicator (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama/ Key Result Area (KRA), Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12), Sustainable Development Goals serta lain-lain perkembangan semasa.
 - > Menyediakan perkhidmatan digital yang inklusif dan mesra pengguna, selamat dan dipercayai di samping perkongsian sumber ICT secara berpusat.
 - > Menjadi sumber rujukan kepada warga kerja MAIDAM untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya melalui pembudayaan pendigitalan.
 - > Mengurus dan merealisasikan nilai data secara cekap dan holistik serta mengukuhkan perkongsian data merentasi agensi.
 - > Memantapkan kepimpinan dan tadbir urus perancangan serta koordinasi inisiatif digital di samping memperkukuhkan pengurusan dan kefungsian organisasi ICT yang dinamik dan efisien.





Fokus utama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dalam menyokong pembangunan PSP ini ialah dengan menekankan empat Teras Strategik berikut:

- **Teras Strategik 1 :** Pengukuhan Transformasi Perkhidmatan Digital Melalui Aplikasi Bersepadu dan Inklusif
- **Teras Strategik 2 :** Pemantapan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT Secara Inklusif yang Mampan
- **Teras Strategik 3 :** Pemantapan Tadbir Urus Digital Inklusif Bersepadu dan Pengukuhan Dasar yang Mampan
- **Teras Strategik 4 :** Pemantapan Pembudayaan Dan Kompetensi Digital Secara Holistik dan Inovatif

Pelan ini juga lebih memberi fokus terhadap peranan Seksyen Teknologi Maklumat sebagai peneraju kecemerlangan ICT dalam membantu pentadbiran MAIDAM melaksanakan dasar dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, diharap warga MAIDAM berganding bahu bagi menggembelng tenaga untuk mencapai kesemua 10 strategi dan 48 program yang telah digariskan dalam pelan tersebut bagi merealisasikan misi dan visi serta objektif utama pembangunan PSP 2024-2028.

Secara keseluruhannya objektif PSP MAIDAM ini bertujuan untuk pelaksanaan infrastruktur ICT yang efisien, berkesan dari segi kos dan lebih dinamik. Di samping itu, PSP ini bertujuan untuk membolehkan MAIDAM menerima pakai penggunaan teknologi baharu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkesan seiring perkembangan semasa dan dasar pendigitalan negara.

1.0 Pengenalan

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menjadi satu dokumen pelan tindakan bagi MAIDAM untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan pendigitalan dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelan ini memberi penekanan terhadap kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Matlamat akhirnya adalah untuk mencapai Perkhidmatan Awam yang berkonsepkan Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital yang mendokong aspirasi Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12.

Semua agensi Kerajaan perlu menyedia dan memperkemaskan pelan strategik pendigitalan (PSP) agensi masing-masing bersesuaian dengan hala tuju dan objektif strategik organisasi agensi serta sejajar dengan PSP Sektor Awam dan pelan-pelan lain di peringkat kerajaan negeri iaitu Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 dan Pelan Induk Kerajaan Digital PINTAR Terengganu 2030.

Sehubungan dengan itu, MAIDAM perlu membangunkan PSP bagi menjajarkan inisiatif ICT secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Pelan ini akan meneliti tahap penggunaan, mengenal pasti pelbagai isu, cabaran dan kelemahan dalam pembangunan ICT. Di samping itu, ia juga akan memfokuskan ke arah mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi teknologi ICT yang terkini agar dapat memacu sistem penyampaian perkhidmatan MAIDAM.

PSP MAIDAM bagi tempoh 2024–2028 yang disediakan ini adalah sebagai usaha untuk menyokong salah satu teras strategik Malaysia Madani iaitu mewujudkan pentadbiran beramanah menerusi islah dan pembaharuan bagi mewujudkan sistem yang adil dan bermanusiawi selain dapat meningkatkan tahap sistem penyampaian perkhidmatan MAIDAM.



2.0 Objektif

PSP MAIDAM merupakan satu pelan tindakan yang mengandungi garis panduan mengenai perancangan pelaksanaan projek pendigitalan secara lebih terancang bagi tempoh 2024 sehingga 2028 merangkumi perkara berikut:

- a. Menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan pendigitalan di MAIDAM dengan sokongan teknologi, sistem aplikasi, tadbir urus pendigitalan, pembangunan sumber manusia dan komuniti.
- b. Menyediakan garis panduan pelaksanaan projek pendigitalan yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi MAIDAM bagi tempoh 2024 sehingga 2028.
- c. Menetapkan hala tuju pendigitalan MAIDAM dan menyelaraskannya dengan Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama/*Key Result Area* (KRA), Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12), *Sustainable Development Goals* serta lain-lain perkembangan semasa.
- d. Menjadi sumber rujukan kepada warga kerja MAIDAM untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya melalui pembudayaan pendigitalan.
- e. Menyediakan perkhidmatan digital yang inklusif dan mesra pengguna, selamat dan dipercayai di samping perkongsian sumber ICT secara berpusat.
- f. Mengurus dan merealisasikan nilai data secara cekap dan holistik serta mengukuhkan perkongsian data merentasi agensi.
- g. Memantapkan kepimpinan dan tadbir urus perancangan serta koordinasi inisiatif digital di samping memperkukuhkan pengurusan dan kefungsi organisasi ICT yang dinamik dan efisien.



3.0 Skop Projek

Pembangunan PSP MAIDAM ini dilaksanakan secara kolaboratif dengan kerjasama dan khidmat perundingan daripada BPTM. Keperluan ICT di MAIDAM melibatkan pengguna, rangkaian, peralatan, sistem aplikasi, data, tadbir urus dan keupayaan modal insan. Skop pembangunan PSP dilaksanakan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan ICT yang merangkumi empat domain seperti **Rajah 3.1**.




Rajah 3.1: Empat Domain Pembangunan PSP MAIDAM

Penjajaran PSP dengan Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027 melalui kerjasama SME dari 15 seksyen/unit di MAIDAM iaitu Seksyen Pentadbiran dan Undang-Undang, Seksyen Pembangunan Sumber Manusia, Seksyen Kewangan, Seksyen Teknologi Maklumat, Seksyen Perhubungan Korporat, Seksyen Promosi, Seksyen Pengurusan Projek, Seksyen Pengurusan Harta, Seksyen Wakaf, Seksyen Sumber Am, Seksyen Pungutan dan Pentadbiran Zakat, Seksyen Agihan Zakat, Seksyen Zakat Daerah, Seksyen Keurusetiaan dan Unit Audit Dalam.



4.0 Pendekatan Projek

PSP MAIDAM 2024-2028 dibangunkan secara dalaman (*in-house*) menggunakan metodologi berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PerSPSA) yang dibangunkan oleh Jabatan Digital Negara (JDN) seperti **Rajah 4.1**.



Rajah 4.1: Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PerSPSA)

Inisiatif pembangunan PSP MAIDAM dimulakan dengan membuat analisis persekitaran bisnes dan ICT di agensi. Hasil analisis digunakan untuk menghasilkan hala tuju strategik ICT MAIDAM dan seterusnya menyusun pelan tindakan berpandukan teras strategik yang telah dikenal pasti. Kaedah yang digunakan untuk membangunkan PSP ini adalah melalui sesi perbincangan dan bengkel di antara Pasukan Pembangunan PSP MAIDAM dengan BPTM dan Pasukan Perunding JDN.

Aktiviti utama dalam pembangunan PSP MAIDAM adalah seperti berikut:

- Melaksanakan kajian persekitaran semasa organisasi dan keperluan ICT MAIDAM menggunakan pendekatan Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam dan MyGovEA.




- Pembangunan PSP MAIDAM 2024-2028 turut disejajarkan dengan aktiviti pembangunan arkitektur berdasarkan metodologi MyGovEA bagi menghasilkan OLMV seperti **Rajah 4.2**.



5.0 Tadbir Urus Projek

Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pembangunan PSP MAIDAM 2024-2028, struktur tadbir urus telah diwujudkan sebagaimana carta organisasi dalam **Rajah 5.1**.



**Rajah 5.1: Struktur Tadbir Urus Pasukan Projek Pembangunan PSP
MAIDAM 2024 – 2028**



6.0 Persekitaran Organisasi

Persekitaran organisasi semasa MAIDAM dikenal pasti melalui aktiviti desktop review, kajian dokumen seperti Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia: MyDIGITAL, Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027 serta templat analisis penilaian organisasi seperti Templat A1 (Kajian Perkhidmatan Agensi, Inisiatif dan Strategi Bisnes), Templat A2 (Ekspektasi Pengurusan) dan Templat A3 (Kajian Amalan Terbaik Inisiatif ICT).

Tujuan analisis persekitaran MAIDAM dilaksanakan bagi mengetahui visi, misi, objektif, teras strategik dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIDAM kepada pihak berkepentingan yang merangkumi pemegang taruh (*stakeholders*), pelanggan dan rakan strategik seperti **Rajah 6.1**.



Rajah 6.1: Pihak Berkepentingan (Stakeholders), Pelanggan dan Rakan Strategik MAIDAM

Sumber: Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027



7.0 Visi dan Misi MAIDAM

Visi dan Misi MAIDAM untuk tempoh lima tahun (2023-2027) adalah seperti dalam **Rajah 7.1** dan **Rajah 7.2**.

a. Visi

Institusi Baitulmal
DINAMIK dan
PROGRESIF

Rajah 7.1: Visi MAIDAM

Sumber: Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027

b. Misi

**Melestarikan
Pengurusan Baitulmal
Melalui Penyampaian
Perkhidmatan Yang
Menepati Syarak, Amanah
Dan Berprestasi Tinggi
Ke Arah Kesejahteraan
Masyarakat Islam Di
Terengganu**

Rajah 7.2: Misi MAIDAM

Sumber: Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027



8.0 Teras Strategik MAIDAM

Pelan Strategik MAIDAM telah dibangunkan bagi tempoh lima tahun bermula 2023 sehingga 2027 sejajar dengan visi dan misi MAIDAM. Teras strategik yang terkandung dalam pelan tersebut adalah seperti **Rajah 8.1**.



Rajah 8.1: Teras Strategik MAIDAM

Sumber: Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027



9.0 Matlamat dan Objektif MAIDAM

Selaras dengan peruntukan Fasal 4 (1) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama) dan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (Pindaan 2012), menjadi matlamat utama MAIDAM untuk membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dalam semua perkara yang menyentuh hal ehwal agama, pembangunan syiar Islam serta kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam di negeri Terengganu berlandaskan al-Quran dan sunnah.

Rajah 9.1 menunjukkan sembilan objektif MAIDAM.



Rajah 9.1: Objektif MAIDAM




10.0 Perkhidmatan MAIDAM

Bagi memantapkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan MAIDAM, sebanyak empat perkhidmatan utama MAIDAM telah dikenal pasti iaitu Zakat, Wakaf dan Sumber Am, Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Harta dan Projek.

11.0 Ekosistem Perkhidmatan MAIDAM

Ekosistem perkhidmatan MAIDAM secara keseluruhan digambarkan melalui *Organizational Landscape Map View* (OLMV) yang terdiri daripada *stakeholders*, medium, perkhidmatan, data/maklumat, aplikasi dan teknologi. OLMV semasa MAIDAM adalah seperti **Rajah 10.1**.



Rajah 10.1: Organizational Landscape Map View (OLMV) MAIDAM

12.0 Visi dan Misi Pendigitalan

MAIDAM telah membangunkan visi dan misi pendigitalan berdasarkan Metodologi PSPSA dan dirangka berpandukan visi dan misi jabatan.

Rajah 12.1 merupakan Visi dan Misi Pendigitalan bagi MAIDAM yang telah dimurnikan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan.




Rajah 12.1: Visi dan Misi ICT MAIDAM 2024–2028



13.0 Teras Strategik Pendigitalan

Teras strategik pendigitalan merupakan komponen utama kepada pembangunan PSP MAIDAM 2024–2028 dalam menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek ICT bagi menyokong perkhidmatan teras dan sokongan MAIDAM. Empat teras strategik dikenal pasti sebagaimana rajah di bawah.




Rajah 13.1: Teras Strategik Pendigitalan dan Objektif



14.0 Penjajaran Strategi Pendigitalan MAIDAM Dengan Kerangka PSPSA 2021-2025


Strategi Pendigitalan MAIDAM 2024–2028 diwajibkan dengan Kerangka PSPSA 2021–2025 bagi memastikan semua strategi dan program pendigitalan yang dirancang adalah selari dengan hala tuju strategik sektor awam. Ringkasan penjajaran adalah seperti **Rajah 14.1**.



Rajah 14.1: Penjajaran Teras Strategik PSP MAIDAM 2024–2028 dengan Teras Strategik PSPSA 2021–2025

15.0 Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan MAIDAM 2024-2028 Dengan Teras Strategik MAIDAM 2023-2027

Hala tuju PSP MAIDAM 2024–2028 ini turut dijaikan dengan Pelan Strategik MAIDAM 2023–2027 bagi memastikan hala tuju yang dibangunkan adalah selari dengan keperluan visi dan misi serta hala tuju bisnes MAIDAM. Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan MAIDAM dengan Pelan Strategik MAIDAM 2023-2027 adalah seperti **Rajah 15.1**.



Rajah 15.1: Penjajaran Teras Strategik Pendigitalan MAIDAM dengan Teras Strategik MAIDAM 2023–2027



16.0 Strategi Program dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Jadual 16.1: Teras Strategik 1 (T1) - Pengukuhan Transformasi Perkhidmatan Digital Melalui Aplikasi Bersepadu dan Inklusif

NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
S1	Pembangunan aplikasi ke arah revolusi digital	P1 – Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Pengurusan Sewa	Ogos 2024 Aplikasi Mudah Alih Pengurusan Sewa selesai dibangunkan.
		P2 – Pembangunan Sistem Bayaran Sewa	Jun 2027 Sistem Bayaran Sewa selesai dibangunkan.
		P3 – Pembangunan Sistem Pengurusan Projek	Dis 2026 Sistem Pengurusan Projek selesai dibangunkan.
		P4 – Pembangunan Sistem Auditan MAIDAM	Sept 2027 Sistem Auditan MAIDAM selesai dibangunkan.
		P5 – Pembangunan Sistem Pengurusan Peguam Syarie	Dis 2024 Sistem Pengurusan Peguam Syarie selesai dibangunkan.
		P6 – Pembangunan platform penyimpanan dasar/ undang-undang/ garis panduan secara bersepadu	Mei 2025 Satu platform telah selesai dibangunkan.
		P7 – Pembangunan Sistem Kepuasan Pelanggan (QR Code)	Mac 2024 Satu platform telah selesai dibangunkan



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
S2	Penaiktarafan aplikasi sedia ada dengan transformasi teknologi terkini	P1 – Menaik taraf Sistem Aset Alih	<u>Mei 2026</u> Sistem aset alih selesai dinaik taraf
		P2 – Menaiktaraf Sistem Kewangan Bersepadu (SPKB)	
		a) Modul penyata penyesuaian	<u>Jun 2025</u> Modul penyata selesai dinaik taraf.
		b) Modul bajet	<u>Jun 2025</u> Modul bajet selesai dinaik taraf.
		c) Penyata pemungut	<u>Sep 2025</u> Modul penyata pemungut selesai dinaik taraf.
		d) Modul gaji	<u>Nov 2025</u> Modul gaji selesai dinaik taraf.
		e) Modul susut nilai	<u>Okt 2025</u> Modul susut nilai selesai dinaik taraf.
		P3 – Menaik taraf Sistem Agihan Zakat	
		Modul permohonan zakat	<u>Mac 2026</u> Modul permohonan zakat selesai dinaik taraf.
		P4 – Menaik taraf Sistem Pengurusan Sewa	<u>Sep 2024</u> Sistem Pengurusan Sewa selesai dinaik taraf.
		P5 – Menaik taraf Sistem e-Wakaf	



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
		a) Modul penilaian data hartanah	<u>Dis 2024</u> Modul penilaian data hartanah selesai dinaik taraf.
		b) Modul permohonan/ pengesahan	<u>Jun 2025</u> Modul permohonan selesai dinaik taraf
		c) Modul integrasi sistem (e-Wakaf dan Geospatial)	<u>Feb 2027</u> Modul integrasi sistem (e-Wakaf dan geospatial) selesai dinaik taraf
		P6 – Menaik taraf sistem MAIDAMCars kepada versi baharu	<u>Mei 2026</u> Sistem MAIDAMCars kepada versi baru selesai dinaik taraf.
		P7 – Menaik taraf Sistem Pengurusan Stor	
		a) Modul integrasi kewangan	<u>Jul 2026</u> Modul integrasi kewangan selesai dinaik taraf.
		b) Modul cenderamata	<u>Sep 2026</u> Modul cenderamata selesai dinaik taraf.
		P8 – Menaik taraf Sistem Daftar Surat dan Mel	<u>Mei 2025</u> Sistem Daftar Surat dan Mel selesai dinaik taraf.
		P9 – Menaik taraf Portal MAIDAM <i>chatbot</i> and <i>live agent</i>	<u>Dis 2025</u> Portal MAIDAM <i>chatbot</i> & <i>live agent</i> selesai dinaik taraf.
		P10 – Menaik taraf perkhidmatan portal MAIDAM	<u>Mac 2025</u> Menaik taraf portal MAIDAM selesai dinaik taraf.
S3	Pemeriksaan Inisiatif Perkongsian Data	P1 – Menambah bilangan aplikasi dipautkan kepada portal MyGovernment	<u>Mac 2026</u> Tiga aplikasi selesai dipautkan.



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
		P2 – Pelaksanaan Perkongsian Data melalui portal MyGDX	<u>Mac 2026</u> Sekurang-kurangnya satu perkongsian data melalui MyGDX dikongsikan.
		P3 – Perkongsian Data melalui portal/ dashboard MAIDAM	<u>Jul 2026</u> sekurang-kurangnya tiga perkongsian data melalui portal/ dashboard dikongsikan.



Jadual 16.2: Teras Strategik 2 (T2) - Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan ICT Secara Inklusif yang Mampan

NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
S1	Pemantapan infrastruktur dan rangkaian ICT	P1 – Perolehan peralatan ICT • peralatan ICT melebihi 5 tahun • peralatan video conferencing, projector dan webcam	<u>Setiap Tahun</u> Sekurang-kurangnya 20% peralatan ICT diganti yang baharu.
		P2 – Penaiktarafan perkakasan ICT (alat ganti)	<u>Setiap Tahun</u> 100% peralatan ICT dinaik taraf.
		P3 – Perolehan perisian yang sesuai dengan persekitaran kerja • Microsoft Office • Antivirus • Adobe • Wps • Mysql	<u>Setiap Tahun</u> Sekurang-kurangnya perolehan 100 lesen perisian tulen selesai dilaksanakan.
		P4 – Menaik taraf peralatan rangkaian • Firewall • Waf web	<u>Dis 2026</u> Penaiktarafan peralatan firewall selesai dinaik taraf.
S2	Pengukuhan pusat data dan keselamatan ICT	P1 – Menaik taraf bilik server/data MAIDAM • ikut piawaian keselamatan CGSO	<u>Dis 2025</u> • Bilik server/data selesai dinaik taraf mengikut piawaian keselamatan CGSO. • Satu perancangan kapasiti selesai. <u>Dis 2027</u> • Satu perancangan kapasiti selesai.



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
		P2 – Perolehan server baharu	<u>Dis 2024</u> Perolehan satu unit server baharu selesai dilaksanakan. <u>Dis 2026</u> Perolehan satu unit server baharu selesai dilaksanakan.
		P3 – Menaik taraf perkakasan dan peralatan di pusat data	<u>Dis 2024</u> Perolehan UPS baharu selesai dilaksanakan. <u>Dis 2026</u> Menaik taraf <i>network trunking</i> dan pengurusan kabel baharu selesai dilaksanakan.
		P4 – Memperkukuh virtualisasi server secara menyeluruh	<u>Dis 2026</u> Program virtualisasi beroperasi 100% di bilik server/data MAIDAM.
		P5 – Mewujudkan <i>Disaster Recovery Center</i> (DRC) baharu	<u>Dis 2025</u> Satu DRC selesai dibina dan beroperasi dengan baik dan lancar.
		P6 – Melaksanakan Security Posture Assessment (SPA)	<u>Dis 2025</u> Satu laporan penilaian tersedia. <u>Dis 2027</u> Satu laporan penilaian tersedia.



Jadual 16.3: Teras Strategik 3 (T3) - Pemantapan Tadbir Urus Digital Inklusif Bersepadu dan Pengukuhan Dasar yang Mampan

NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
S1	Pemantapan Pengurusan dan Organisasi ICT	P1 – Menjadikan ICT sebagai agenda dalam Mesyuarat Pengurusan MAIDAM	<u>Setiap tahun</u> ICT dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat.
		P2 – Pengukuhan penstrukturan organisasi dan personel ICT	<u>Dis 2026</u> Kertas cadangan penstrukturan selesai disediakan.
		P3 – Pemantapan jawatankuasa ICT	<u>Mac 2025</u> Satu Term of References yang dikemas kini. <u>Mac 2027</u> Satu Term of References yang dikemas kini.
		P4 – Menubuhkan Pasukan Keselamatan Siber MAIDAM	<u>Jun 2025</u> Satu Pasukan Keselamatan Siber MAIDAM 5 selesai ditubuhkan.
S2	Pengukuhan Dasar dan Garis Panduan ICT	P1 – Kajian semula garis panduan sedia ada • Dasar keselamatan ICT/Polisi Keselamatan Siber MAIDAM • Garis Panduan Pembangunan Sistem • Kajian semula dasar dan garis panduan sedia ada	<u>Dis 2026</u> Polisi Keselamatan Siber selesai dibangunkan.
		P2 – Penguatkuasaan pelaksanaan Dasar ICT MAIDAM	<u>Setiap tahun</u> Satu laporan pematuhan disediakan.
		P3 – Pewujudan polisi dan garis panduan baharu	<u>Dis 2027</u>



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
		• Garis Panduan Perkongsian Data • Garis Panduan Permohonan Data • Polisi Keselamatan Siber MAIDAM • Garis Panduan Pengurusan VPN • Garis Panduan Pembangunan Sistem	Sekurang-kurangnya satu garis panduan baharu tersedia.
		P4 – Kajian Separuh Penggal PSP MAIDAM 2024-2028	<u>Dis 2026</u> Satu laporan Kajian Separuh Penggal selesai dilaksanakan.
		P5 – Pembangunan PSP MAIDAM 2029-2033	<u>Dis 2028</u> Satu Dokumen PSP MAIDAM 2029-2033 selesai dibangunkan.



Jadual 16.4: Teras Strategik 4 (T4) - Pemerkasaan Pembudayaan dan Kompetensi Digital Secara Holistik dan Inovatif

NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
S1	Pemantapan latihan modal insan secara holistik	P1 – Pembangunan pelan latihan/ rangka kursus ICT jabatan	<u>Sept 2025</u> Satu pelan latihan disediakan.
		P2 – Pelaksanaan peningkatan kemahiran kakitangan ICT - Bahasa Pengaturcaraan Teknologi Terkini - Latihan Peningkatan Keselamatan Keselamatan ICT	<u>Setiap Tahun</u> Sekurang-kurangnya satu program dilaksanakan.
		P3 – Pelaksanaan peningkatan kemahiran kakitangan MAIDAM - kakitangan MAIDAM - kakitangan barisan hadapan	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya dua program peningkatan kemahiran selesai dilaksanakan.
S2	Pemerkasaan budaya ICT secara berterusan.	P1 – Program celik digital & keselamatan ICT secara dalaman atau kolaborasi - Pengenalan Data Raya - Emerging Technologies - Taklimat Keselamatan ICT	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya dua program selesai dilaksanakan.
		P2 – Pembudayaan penggunaan Aplikasi MAIDAM - Sistem Daftar Surat dan Mel - Sistem Aset - Sistem Pengurusan Stor - Sistem e-amil	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya satu program pembudayaan penggunaan aplikasi MAIDAM dilaksanakan.



NO	STRATEGI	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
		P3 – Program promosi perkhidmatan bayaran tanpa tunai • FPX • Tulus • Tpay • Debit/Kad Kredit	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya satu promosi selesai dilaksanakan.
		P4 – Program perkhidmatan melalui pelbagai saluran • Facebook • Tiktok • Portal MAIDAM • Emel • <i>Chatbot/ live agent</i>	<u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya satu promosi selesai dilaksanakan.
S3	Pengiktirafan Digital	P1 – Pengiktirafan kepada kakitangan • MBOT • Kejayaan Pembangunan Projek • Rewards dalam hari inovasi	<u>Dis 2025</u> Sekurang-kurangnya satu pengiktirafan diperolehi. <u>Dis 2027</u> Sekurang-kurangnya satu pengiktirafan diperolehi.
		P2 –Penyertaan Program Inovasi	<u>Dis 2025</u> Sekurang-kurangnya satu penyertaan inovasi disertai. <u>Dis 2027</u> Sekurang-kurangnya satu penyertaan inovasi disertai.





GAMBAR BENGKEL PSP



17.0 Penutup

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MAIDAM 2024-2028 merupakan satu dokumen *blueprint* rujukan yang bertujuan untuk membangun dan memantapkan penyampaian perkhidmatan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) ke arah mencapai visi “Pemacu Transformasi Pendigitalan Institusi Baitulmal yang Progresif dan Inklusif” yang telah ditetapkan. Sebanyak 10 strategi dan 55 program yang terkandung dalam dokumen ini perlulah difahami dan dihayati oleh semua warga MAIDAM.

Pelan ini perlu sentiasa dipantau dan dinilai secara berkala agar sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan masa hadapan. Oleh itu, harapan bagi merealisasikan pendigitalan ini adalah memastikan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dapat menjadi pemangkin ke arah masyarakat digital melalui inisiatif pendigitalan yang sistematik, konsisten dan bersepadu untuk kesejahteraan rakyat.

